

'Transaksi diberitahu setiausaha sulit'

BH - 5/12/2019
m/d: 6

Najib mengaku terima RM3.217b dimasuk dalam akaun

Oleh Siti Nurazlinee Azmi dan Farah Marshita Abdul Patah
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak mengaku menerima RM3.217 bilion daripada pihak luar, yang dimasukkan ke dalam akaun Ambank miliknya antara 2011 hingga 2013.

Najib, 66, dalam keterangan bela diri terhadap tujuh pertuduhan menyeleweng RM42 juta dana SRC International Sdn Bhd, berkata memasukkan wang itu dimaklumkan secara berkala oleh bekas setiausaha sulitnya, Allahyarham Datuk Azlin Alias, selepas diberitahu ahli perniagaan dalam buruan Low Taek Jho atau Jho Low.

Ditanya peguam Rahmat Hazlan, sama ada beliau mengetahui secara tepat transaksi kredit akaun 694 dari 2011 hingga 2013, Najib berkata, beliau tidak tahu ketika itu.

"Bagaimanapun, saya diberitahu oleh Azlin mengenai wang yang dimasukkan dari luar negara, dalam mata wang dolar Amerika Syarikat.

"Saya juga ada melalui Azlin,

menerima beberapa surat dikatakan daripada wakil Raja Abdullah, sebagai bukti derma yang saya terima pada 2011 hingga 2013. Surat ini diserahkan kepada Azlin oleh Jho Low," katanya.

Menjawab soalan peguam sama, Najib berkata, beliau hanya mengetahui transaksi wang AS\$100 juta yang diterima daripada Raja Abdullah, ketika keterangan diambil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Saya juga ditunjukkan sepucuk surat bertarikh 1 Februari 2011, yang dikatakan berasal daripada wakil sah Raja Abdullah.

"Surat itu menyatakan bahawa Raja Abdullah mengurniakan saya wang AS\$100 juta, sebagai hadiah yang boleh digunakan atas budi bicara mutlak saya.

"Jelas sekali jumlah ini bersamaan transaksi berkenaan," katanya pada perbicaraan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali.

Rahmat: Bagaimana anda menerima surat ini?

Najib: Surat ini ditunjukkan kepada saya oleh Azlin, yang kemudian memaklumkan kepada saya bahawa beliau menerima surat sama daripada Jho Low.

"Saya difahamkan bahawa surat tersebut turut diserahkan kepada Ambank oleh Jho Low dan hal yang sama juga dilaporkan kepada Bank Negara Malaysia (BNM) dan Tan Sri Zeti Akhtar

Aziz pada ketika itu," katanya.

Rahmat: Di manakah surat asal itu?

Najib: Saya percaya surat asal itu tertinggal di pejabat saya di Jabatan Perdana Menteri.

Rahmat: Secara umumnya apakah yang dibelanjakan daripada dana itu?

Najib: Secara umumnya, dana ini digunakan untuk inisiatif program tanggung jawab sosial korporat (CSR).

Pada prosiding itu, Najib memberitahu mahkamah beliau mengetahui mengenai transaksi kemasukan wang AS\$800 juta daripada Raja Abdullah, selepas rakaman perceraian diambil oleh SPRM.

"Sebagai Presiden UMNO dan Pengerusi Barisan Nasional (BN), saya diberi kuasa mengumpul derma bagi pergerakan parti dan perbelanjaan berkaitan pilihan raya umum," katanya.

Pada prosiding sama, Najib juga berkata, perkenalan beliau dengan Jho Low pada 2007 adalah melalui anak tirinya, Riza Shahriz Abdul Aziz.

Kepercayaan yang diberikan kepada Jho Low adalah selepas ahli perniagaan itu memainkan peranan penting, pada lawatan Putera Mahkota Abu Dhabi dan Timbalan Komander Tertinggi Angkatan Tentera Emiriah Arab Bersatu (UAE), Sheikh Mohamed bin



Najib Razak

Zayed Al Nahyan.

Pertemuan itu bertujuan membincangkan pelaburan dan perkongsian berpotensi antara Abu Dhabi dan Malaysia.

Najib berkata, pada 2009 Jho Low berjaya mengadakan pertemuan dengan Putera Turki yang menyaksikan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) memasuki projek PetroSaudi International Ltd pada September 2009.

Tambahnya, Jho Low ada memberitahunya bahawa Raja Arab Saudi, Raja Abdullah, bersetuju memberi sumbangan antara AS\$100 hingga AS\$200 juta sebagai bentuk sokongan, tetapi tidak tahu jumlahnya.

"Antara 2011 dan 2014, saya menerima sejumlah besar wang yang saya percaya sumbangan daripada Raja Abdullah sebagai tanda sokongan daripadanya.

"Jho Low penghubung dalam perkara ini dan saya percaya bahawa Jho Low mengatur peruntukan sumbangan daripada keluarga diraja Arab Saudi," katanya.

Najib juga berkata, sumbangan itu dilihat sebagai sebahagian daripada dasar luar negara dan diplomatik.

Beliau juga menafikan memberi sebarang kuasa kepada Jho Low untuk berurusan dengan AmBank, berhubung akaunnya yang berakhir digit 694.